



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DAN ZIKA DI MALAYSIA

Bagi Minggu 26/2016 (26 Jun hingga 2 Julai 2016)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati dalam tempoh sebulan kebelakangan ini, terdapat peningkatan tren Demam Denggi yang dilaporkan di seluruh negara bermula dari minggu ke-22. Pada minggu ke-26 iaitu dari 26 Jun hingga 2 Julai 2016, sebanyak 2,017 kes Demam Denggi dilaporkan berbanding 1,777 kes pada minggu sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 13.5%. Sebanyak sembilan (9) buah negeri menunjukkan peningkatan kes iaitu Selangor (22.2%), Pahang (69.6%), Kelantan (45.7%), Pulau Pinang (40.9%), Perak (13.6%), Sarawak (13.3%), Kedah (13.5%), Perlis (500.0%) dan Johor (1.2%). Manakala bagi jumlah kumulatif kes Demam Denggi dari Januari hingga 2 Julai 2016, adalah sebanyak 57,782 kes berbanding 59,365 kes bagi tempoh yang sama tahun 2015, iaitu berkurangan sebanyak 2.7% (1,583 kes).

Terdapat sepuluh (10) kematian yang dilaporkan pada minggu ke-26. Jumlah kumulatif kematian Denggi dari Januari sehingga 2 Julai 2016, menunjukkan 20.0% (33 kematian) penurunan iaitu, 132 kematian berbanding 165 kematian bagi tempoh sama tahun 2015.

Selain daripada peningkatan kes, lokaliti wabak juga didapati turut meningkat. Pada minggu ke-26, jumlah lokaliti wabak adalah 660, iaitu

peningkatan sebanyak 2.0%, berbanding 647 lokaliti pada minggu ke-25. Namun begitu, jumlah lokaliti hotspot didapati menurun daripada 74 lokaliti pada minggu sebelumnya kepada 73 lokaliti pada minggu ke-26. Kejadian lokaliti hotspot melibatkan tujuh (7) buah negeri iaitu di Selangor, Johor, Perak, Sarawak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan dan Sabah.

Daripada pemantauan KKM, kes Demam Denggi kebiasaannya akan meningkat selepas musim perayaan. Oleh itu, KKM ingin menasihatkan pihak masyarakat agar peka terhadap gejala dan tanda-tanda Demam Denggi seperti demam, sakit otot dan tulang, ruam, sakit di belakang mata serta sakit kepala. Ini juga termasuk tanda-tanda amaran Demam Denggi seperti sakit perut, kerap muntah, resah, sangat lemah dan pendarahan gusi atau hidung. Sekiranya menghidap gejala dan tanda-tanda tersebut, segera mendapatkan rawatan di klinik atau hospital yang berhampiran kerana pengesanan dan rawatan awal dapat menyelamatkan nyawa .

Bagi situasi terkini penyakit Zika, menurut laporan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu dari 1 Januari 2007 sehingga 29 Jun 2016 terdapat sebanyak 61 buah negara yang terlibat. Manakala di Malaysia, sehingga kini tiada jangkitan penyakit Zika dikesan melalui ujian dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan juga Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) ke atas 507 sampel darah daripada Jun 2015 sehingga 2 Julai 2016. Di samping itu, saringan yang dilakukan ke atas pelawat di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) menunjukkan tiada pelawat yang disyaki dijangkiti virus Zika.

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

7 Julai 2016

Lampiran A

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 26/2016 (26 Jun sehingga 2 Julai 2016)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 26/2016		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 26/2015	
		Minggu 26 (25 Jun- 2 Julai 2016)		Minggu 25 (19 Jun - 25 Jun 2016)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	5	0	0	0	89	1	130	1
2	Kedah	42	0	37	0	490	1	488	5
3	P. Pinang	31	1	22	0	1,881	11	2,826	6
4	Perak	75	2	66	0	2,222	7	5,864	14
5	Selangor	1,145	1	937	2	31,060	48	33,958	84
6	WP KL & Putrajaya	200	0	232	0	4,572	7	3,869	18
7	N. Sembilan	50	3	52	1	1,568	15	1,031	7
8	Melaka	47	2	48	0	1,197	5	980	3
9	Johor	165	1	163	0	7,472	11	4,859	11
10	Pahang	39	0	23	0	1,348	6	1,310	5
11	Terengganu	6	0	6	0	1,545	13	525	2
12	Kelantan	51	0	35	1	1,217	2	847	3
13	Sarawak	68	0	60	0	1,477	4	1,235	2
14	Sabah	93	0	96	0	1,641	1	1,441	4
15	WP Labuan	0	0	0	0	3	0	2	0
	MALAYSIA	2,017	10	1,777	4	57,782	132	59,365	165

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 2 JULAI (Mg 26)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	267	277
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	249	201
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	97	187
4	SELANGOR	Petaling	BI Pju 8 Apt Flora Damansara 2 (Blok C - F)	107	184
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 (Flat Pprt : Blok A, B, C)	68	179
6	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	194	176
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	64	147
8	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama 7 Court 2	50	146
9	SELANGOR	Petaling	Subang Jaya (Dk Senza Condominium Jln Taylors)	79	132
10	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 11	32	130
11	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 3	33	99
12	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Kenanga Tbr Bb	41	98
13	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Prima (Lily)	16	94
14	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Dayang 26,28,30,32,34,36,38,40,42,44, 46,48,50,52,54,56&58/8 Bandar Mahkota	28	86
15	SELANGOR	Hulu Langat	Kampung Baru Balakong	19	79
16	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cahaya Masai_Jln Berlian	22	74
17	PERAK	Kinta	Kg Bercham	22	72

18	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 8 Flat Pkns (Gabung Dgn Flat Pkns Ss 3/39)	23	71
19	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 8 Apt Kelana Impian	16	68
20	PERAK	Kinta	Cherry Apartment	51	66
21	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Mawar Jaya)	14	65
22	SELANGOR	Petaling	Tmn Equine (Flat Putra Permai & Rumah Kedai)	19	64
23	SELANGOR	Petaling	Bt 14 Kg Bunga Melor	20	61
24	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Sri Ria Taman Wawasan	15	60
25	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Bukit Mutiara	12	57
26	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Dahlia Tbr Bb	15	57
27	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Molek 2/	7	49
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen 22 (Pangsapuri Indahria)	18	48
29	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Hartamas (Pangsapuri Meranti, Jati, Pulai)	8	48
30	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Saujana 1 (Blok A,B,C,D,E,F,L,M)	12	47
31	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Prima 1	8	46
32	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Dayang 2,4,6,8,10,12,14,16,18,20,22&2 4/8 Bandar Mahkota Cheras	8	45
33	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Kelana Puteri Kondo	82	44
34	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 4	8	44
35	SELANGOR	Sepang	Uniten, Amanah	10	44
36	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 1 (Teres)	11	43
37	SELANGOR	Gombak	Appt Residensi Bistaria	20	42
38	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Rampai Idaman	9	42
39	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Flat Sri Jati	5	42

40	SELANGOR	Kuala Langat	Kg Kelanang	6	42
41	SELANGOR	Petaling	Pst Bdr Puchong (Jln Bandar & Qts Bomba)	6	41
42	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Indah Saujana Impian	12	40
43	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 5 (Jln Bs 5/11 - 5/20)	8	40
44	SELANGOR	Petaling	Pjs 11 (Sun-U Resident)	5	40
45	WPKL	Kepong	Ppr Taman Wahyu 2 (Blok A, B Dan C)	11	40
46	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Mount Austin_Jln Austin Height 1/	15	40
47	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Desa Cemerlang_Jln Kekabu	7	39
48	SARAWAK	Sibu	Jalan Hardin	10	39
49	SARAWAK	Sibu	Jalan Foochow	12	39
50	SELANGOR	Petaling	Du Ss 4b	5	37
51	N SEMBILAN	Seremban	Emerald Park	12	37
52	SELANGOR	Gombak	Tanah Gantian Sg Tua	9	36
53	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Taming Kiri Taman Taming Jaya	5	36
54	SELANGOR	Petaling	Du Ss 2 (1)	17	35
55	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Teres C : U2/15 - 28)	5	34
56	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 7 : Teres	7	34
57	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 1 Teres B	19	34
58	SELANGOR	Petaling	Bdr Puchong Jaya Jln Kenari	17	34
59	SELANGOR	Petaling	Tmn Saujana Puchong Sp 8	8	34
60	SELANGOR	Petaling	Upm Serdang (Asrama International Transit House)	8	34
61	JOHOR	Johor Bharu	Kg Bendahara	6	34
62	WPKL	Titivangsa	Appt Dahlia (Tmn Setapak Jaya)	17	34

63	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bm 11-27 Taman Bukit Mewah	7	33
64	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Permai	24	33
65	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati (Jln Bandar)	5	32
66	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Rakan 9-17 Taman Rakan	16	32
67	SELANGOR	Petaling	BI Pju 8 Apt Flora Damansara 3 (Blok G , H)	6	32
68	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Apt Bayu Puteri	9	32
69	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 1 Apt Tmn Petaling Utama (Blok A - D : Jln Pjs 1/52)	5	32
70	SELANGOR	Hulu Langat	Batu 18 Hulu Langat	5	31
71	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Flat Ikan)	9	31
72	SELANGOR	Petaling	Tmn Jinma Sri Kembangan	8	31
73	SABAH	Keningau	Patikang Ulu	20	31

**TREN KES MINGGUAN DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
TAHUN 2015 DAN 2016 (JANUARI HINGGA 2 JULAI 2016)**

